



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Aplikasi PenggunaBijak dinaiktaraf
dalam usaha meningkatkan pemeraksanaan pengguna

Tarikh: 1 Disember 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Perasmian Penaiktarafan Aplikasi Mudah Alih PenggunaBijak bertempat di Dewan Bridex, Jerudong pada 1 Disember 2022.
2. Majlis Perasmian Penaiktarafan Aplikasi Mudah Alih PenggunaBijak telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa acara pembukaan Ekspo Produk Tempatan (EPT) 2022 anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bersempena dengan *Brunei December Festival*.
3. Turut hadir semasa Majlis Perasmian berkenaan adalah tetamu-tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Mengiringi Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penaiktarafan Aplikasi Mudah Alih PenggunaBijak adalah Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad

Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

5. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak merupakan platform digital maklumat pengguna sebagai usaha JPES dalam memperkasa pengguna dengan maklumat-maklumat kepenggunaan dan seterusnya menggalakkan pengguna untuk mengamalkan budaya Pengguna Bijak.
6. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak dinaiktaraf agar kekal relevan dengan memberi fokus kepada meningkatkan *user experience* dan *visibility* maklumat pengguna dengan menawarkan lebih banyak maklumat kepenggunaan di hujung jari secara interaktif melalui fungsi seperti cari, cadang, susun dan tapis mengikut pilihan pengguna; penggunaan dwi-bahasa – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; pengemaskinian wajah baru yang lebih menarik; serta penyusunan maklumat yang lebih teratur.
7. Dengan motto “Maklumat Memperkasa Pengguna”, aplikasi mudah alih PenggunaBijak menyalurkan maklumat kepenggunaan bagi kemudahan pengguna seperti maklumat mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142; dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011. Selain itu, aplikasi berkenaan juga menyediakan kemudahan bagi pengguna untuk membuat aduan secara rasmi berhubung dengan amalan perniagaan yang tidak beretika di bawah skop Akta Kawalan Harga dan Perintah Pelindungan Pengguna.
8. Ciri-ciri lain terkandung di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak termasuk *1-2-Compare* yang dihasrat dapat membantu pengguna membuat perbandingan harga bagi lebih 180 barangan isi rumah yang dikongsikan secara sukarela oleh peruncit; dan *Tips Pengguna Bijak* bagi membantu pengguna memperkasa diri menjadi Pengguna Bijak melalui artikel, poster, garis panduan dan video kepenggunaan.
9. Sejak aplikasi mudah alih PenggunaBijak diperkenalkan pada tahun 2016, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak lebih 38,000 kali melalui platform *App Store* dan *Google Play*. Aplikasi ini juga merupakan di antara saluran aduan rasmi yang banyak digunakan oleh pengguna bagi membuat aduan, selain daripada saluran Talian Darussalam 123.

10. Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke petak pameran JPES di acara EPT 2022 yang berlangsung bermula 1 hingga 4 Disember 2022 untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi